

PM ajak umat Islam selesaikan masalah

BH 29 APR 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mengajak umat Islam bersama-sama mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi dan melaksanakannya dengan penuh ikhlas.

Katanya, kini bukan masanya umat Islam untuk berhujah mengenai tafsiran ajaran Islam di segi akademik, tetapi menumpukan usaha mencari jalan penyelesaian yang lebih praktikal.

Berucap merasmikan Seminar Memajukan Satu Sistem Peralatan Kewangan Islam di Pusat Islam di sini, Perdana Menteri berkata penderitaan umat Islam kini bukan disebabkan ajaran yang dianuti tetapi terlalu gemar membuat tafsiran hingga akhirnya menghalang dan melemahkan mereka

sendiri.

"Jika umat Islam tidak tahu bagaimana menghadapi masalah ekonomi dan kewangan yang semakin genting, kita akan kembali semula ke zaman sebelum minyak mencatatkan kegemilangan. Ketika itu kita begitu mudah dipergunakan oleh negara-negara kaya dan kuasa besar.

"Janganlah kita menyalahkan sesama sendiri dalam hal-hal ini, sebaliknya menumpukan usaha menyelesaikan masalah-masalah itu dan melaksanakannya dengan penuh ikhlas," tegas beliau.

Seminar lapan hari dihadiri oleh tokoh-tokoh dan pakar kewangan Islam dari 19 negara, dianjurkan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Bank Pembangunan Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Al-

lah mengutuskan Nabi Muhammad saw untuk mengajar manusia kelmana sebenar dan cara hidup teratur, tetapi ia bukan satu penghalang atau beban kepada mereka yang menerimanya.

Kata beliau, Islam bukan hanya meliputi cara-cara untuk beribadat kepada Allah, tetapi meliputi setiap apa yang diperlakukan oleh umatnya dalam masyarakat.

"Islam juga menyediakan peraturan dan perintah berhubung setiap peringkat yang kita lalui, daripada kelahiran dan perkahwinan, sehinggalah kepada perdagangan, kewangan, hubungan antarabangsa, peperangan dan perdamaian," katanya.

Perdana Menteri berkata, sejarah membuktikan umat Islam hidup dalam keadaan yang serba mencukupi sele-

pas menerima ajaran agama itu dan mampu menyebarkannya ke seluruh dunia, tetapi kini umat Islam ditindas dan bermusuhan sesama sendiri.

"Ajaran tidak boleh dipersalahkan kerana wujudnya keadaan itu. Puncanya ialah kita sendiri yang begitu ghairah membuat tafsiran serta menyusun langkah-langkah yang menyekat dan melemahkan kita sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun umat Islam mementingkan cara hidup yang menyeluruh, kebanyakan hanya menitikberatkan kematian dan hari pembalasan.

"Ini menyebabkan apabila tafsiran dibuat, kesan kepada kehidupan masyarakat Islam tidak diutamakan tetapi hanya sama ada kita akan dapat kesenangan di akhirat atau tidak."

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kepercayaan zaman jahiliah — iaitu menderita di dunia untuk mencapai kebahagiaan di akhirat — juga mempengaruhi pemikiran umat Islam sehingga mereka seolah-olah menyeka diri sendiri untuk menikmati kebahagiaan itu kelak.

Tambahnya, salah tafsiran seperti itu juga menyebabkan umat Islam di merata tempat hidup kelaparan kerana mereka meletakkan halangan dalam usaha-usaha bantuan melalui tafsiran mereka sendiri.

Oleh itu, menurutnya, sekalipun Islam melarang pembaziran dan menggalakkan mereka membuat kebajikan dengan membantu golongan miskin, sebilangan besar haiwan yang dikorbankan di Mina ketika musim haji di tanam begitu sahaja di padang pasir.

"Kita diberitahu daging itu tidak boleh diagihkan kerana dikhuatiri ada orang kafir yang memakannya.

"Tetapi apakah ini yang dikehendaki oleh Islam sebagai satu cara hidup sedangkan daging itu boleh diagihkan kepada berjuta-juta umat Islam yang kelaparan," kata beliau.